ADAB DAN AKHLAK MENUNTUT DAN MENYAMPAIKAN ILMU MENURUT IMAM AL GHAZALI رحمه الله

Oleh:
Muhammad Fuad bin Kamaludin al Maliki

Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

01. AKHLAK DAN ADAB PENUNTUT ILMU

Penuntut ilmu mestilah bersungguh-sungguh menjaga etika dan disiplin dalam pembelajarannya bagi mendapat natijah ilmu yang benar-benar memberi manfaat dan mendatangkan keberkatan di dalam kehidupan. Banyak akhlak yang telah disebut oleh ulama' mengenainya. Di antaranya, Imam al Ghazali رحمه الله menitipkan di dalam kitab Ihya' 'Ulum al Din, bahawa di antara akhlak atau adab menuntut ilmu yang perlu dijaga ialah:

1} Mendahulukan penyucian jiwa dari sifat-sifat yang buruk dan perangai yang tercela.

Misalnya, riya', ujub, takabbur, hasad dan sebagainya. Hendaklah sentiasa menggilap hati dengan sifat-sifat yang terpuji seperti ikhlas, jujur, zuhud, tawadhu' dan sebagainya. Ilmu merupakan sebahagian daripada ibadah hati dan pendekatan batin kepada Allah. Sebagaimana tidak sah solat yang merupakan kewajipan anggota lahir melainkan dengan menyucikan anggota zahir dari segala hadath dan najis, maka begitulah juga tidak sah ibadah batin dan mengimarahkan hati dengan ilmu melainkan selepas ia disucikan daripada najis batin iaitu akhlak yang buruk dan sifat-sifat yang terkeji.

2} Mengurangkan hubungan dengan urusan duniawi, menjauhkan diri dari kaum keluarga dan kampung halaman kerana hubungan ini hanya mengganggu dan merunsingkan serta memalingkan hati dan tumpuan.

Seseorang pelajar hendaklah mengosongkan hati daripada sibuk dengan anak, isteri, jual beli dan segala yang merunsingkan hatinya supaya dapat menumpukan perhatian dan hati kepada pembelajaran.

Firman Allah ﷻ:

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِۦ

Allah tidak sekali-kali menjadikan seseorang mempunyai dua hati dalam rongga dadanya."[1]

3} Tidak bersikap takabbur/sombong dengan ilmunya dan tidak menentang gurunya.

Hendaklah seorang murid itu menyerahkan segala urusan dirinya kepada gurunya dan mendengar nasihatnya laksana orang sakit yang jahil mendengar dan menurut nasihat doktor yang mahir dan mengasihaninya. Begitu juga hendaklah seorang murid itu bersifat tawadhu' kepada gurunya dan berusaha mendapatkan pahala dan kemuliaan dengan berkhidmat kepada gurunya itu.

Sabda Rasulullah ﷺ:

لَيْسَ مِنْ أَخْلاَقِ الْمُؤْمِنِ التَّمَلُّقُ إِلاَّ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ

"Bukanlah dari akhlak orang Mu'min merendahkan diri (untuk mendapatkan sesuatu hajat) melainkan dalam menuntut ilmu."[2]

Tidak sepatutnya seorang penuntut ilmu itu bersikap takabbur atau angkuh terhadap gurunya. Di antara sikap takabbur terhadap guru ialah tidak mahu mengambil faedah atau belajar kecuali kepada guru terkenal dan masyhur. Ini adalah suatu kebodohan.

4} Hendaklah murid yang baru belajar menjaga dirinya daripada belajar ilmu yang diperselisihkan oleh kebanyakan ulama' (permasalahan khilafiyyah) sama ada ilmu itu berkaitan dengan ilmu keduniaan atau keakhiratan.

Ini kerana ia akan membingungkan akal, menghairankan fikiran, melemahkan pendapat dan menjadikan murid tersebut berputus asa untuk memahami dan mendalami ilmu yang dipelajarinya.

5} Penuntut ilmu itu tidak meninggalkan satu bidang pun dari ilmu-ilmu yang terpuji melainkan mereka melihat kepada tujuan dan maksud ilmu itu. Kemudian jika dia

---

[1] Al Ahzaab: 4.

[2] Hadith riwayat Ibnu 'Adi dari hadith Muaz dan Abi Umamah dengan sanad yang dha'if.

berumur panjang dia akan berusaha mendalami ilmu tersebut. Sekiranya tidak, maka dia akan mengambil yang lebih penting lalu disempurnakan dan disampingkan yang lainnya.

Ilmu-ilmu itu saling bantu membantu dan terikat di antara satu sama lain. Dia akan mendapat faedah daripada sesuatu ilmu ketikamana dia melepaskan diri dari memusuhi ilmu tersebut disebabkan kebodohannya. Sesungguhnya manusia itu adalah musuh bagi setiap perkara yang tidak mereka fahami. Firman Allah:

وَإِذْ لَمْ يَهْتَدُوا۟ بِهِۦ فَسَيَقُولُونَ هَٰذَآ إِفْكٌ قَدِيمٌ ﴿١١﴾

"Dan setelah mereka tidak dapat menerima petunjuk Al-Quran itu, (mereka memusuhinya) lalu mereka mencacinya dengan berkata: "Al-Quran ini ialah rekaan dusta yang sudah lama."[3]

6} Hendaklah seseorang pelajar itu tidak terus terjun/masuk ke dalam sesuatu bidang ilmu sekali gus atau serentak tetapi hendaklah memelihara tertibnya dan memulakannya dengan yang lebih penting.

Sekiranya umur seseorang itu tidak panjang untuk sempat dia mempelajari segala ilmu yang biasa, maka hendaklah dia memutuskan untuk mengambil dari setiap sesuatu itu yang terbaik dan memadailah dengan menghidunya. Setelah itu, hendaklah dia menggembeling seluruh kekuatannya untuk menyempurnakan ilmu yang lebih mulia iaitu ilmu akhirat.

7} Hendaklah seorang murid itu tidak masuk ke dalam satu bidang sehinggalah dia menyempurnakan bidang yang dipelajari sebelumnya.

Ilmu itu mempunyai martabat yang tersusun dan ia saling menunjukkan jalan untuk memahami ilmu yang lain. Orang yang mendapat taufiqNya ialah orang yang dapat memelihara tertib dan susunan tersebut.

Allah berfirman:

ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَتْلُونَهُۥ حَقَّ تِلَاوَتِهِۦٓ

[3] Al Ahqaf: 11.

“Orang-orang yang Kami berikan Kitab, mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarkan maksudnya).”[4]

8} Hendaklah mengetahui sebab untuk mendapatkan ilmu yang paling mulia.

Maksudnya di sini ialah dua perkara:

1. Kemuliaan faedah atau hasilnya
2. Kepercayaan dan kekuatan dalilnya.

Contohnya ilmu agama dan ilmu kedoktoran. Faedah dari salah satu ilmu tersebut ialah kehidupan yang abadi, dan faedah ilmu yang satu lagi ialah kehidupan yang fana. Maka ilmu agamalah yang lebih mulia dan tinggi.

9} Hendaklah matlamat pelajar sekarang ini untuk menghiasi dan mengindahkan batinnya dengan sifat-sifat yang mulia dan pada masa akan datang untuk mendekatkan dirinya kepada Allah serta mendaki ke tempat yang lebih tinggi berdekatan dengan para malaikat dan ahli muqarrabin.

Dia tidak bertujuan untuk mendapatkan pangkat, harta, kemewahan, bertelagah dengan orang-orang yang bodoh dan membanggakan diri dengan rakan-rakan.

Sesiapa yang mengqasadkan Allah dengan suatu ilmu, ilmu apapun juga sudah pasti ia akan memberikan manfaat kepada dirinya dan mengangkat kedudukannya.

10} Hendaklah pelajar tersebut mengetahui hubungan ilmu tersebut kepada tujuannya supaya ilmunya yang tinggi dan dekat dengan jiwanya itu memberi kesan kepada matlamatnya yang masih jauh.

Apabila ia tidak memungkinkan kamu menghimpunkan di antara kelazatan duniawi dengan kenikmatan ukhrawi sebagaimana yang dibicarakan oleh al Quran dan disaksikan dari cahaya mata hati apa yang berlaku di hadapan mata kepala, maka yang lebih penting ialah yang kekal abadi. Ketika itu jadilah dunia sebagai tempat persinggahan, jasad sebagai kenderaan, amal sebagai jalan untuk menuju kepada matlamat. Dan tidak ada matlamat yang hakiki melainkan untuk bertemu Allah. Maka padanya terkandung seluruh kenikmatan sekali pun tidak ada sesiapa yang mengetahui kadarnya di alam ini melainkan hanya sedikit.

---

[4] Al Baqarah: 121.

Imam al Ghazali ﷺ juga menyebut di dalam Bidayah al Hidayah sebanyak 11 adab yang perlu dijaga oleh murid terhadap gurunya, iaitu:

i. Mendahului memberi salam apabila bertemu dengan guru.

ii. Jangan banyak berkata-kata di hadapannya

iii. Jangan berkata perkara yang tidak diizinkannya

iv. Jangan bertanya melainkan setelah mendapat keizinan daripadanya

v. Jangan menyangkal kata-katanya

vi. Jangan memberi isyarat tentang kesalahan kata-kata gurunya kerana merasakan dirinya lebih benar dan lebih tahu. Ini perbuatan yang kurang adab dan kurang berkat.

vii. Jangan berbisik-bisik dengan orang yang berdekatan di hadapan guru.

viii. Jangan berpaling ke kiri dan ke kanan daripada gurunya tetapi hendaklah duduk dengan menjaga adab sepertimana ketika solat.

ix. Jangan banyak bertanya dengannya ketika dia keletihan.

x. Hendaklah berdiri ketika gurunya datang kerana memuliakan dan menghormatinya.

Jangan berburuk sangka dengan guru apabila melihat perbuatan gurunya menyalahi pengetahuannya atau adat.

02. ADAB SEORANG GURU

1} Mempunyai perasaan syafaqah (belas kasihan) terhadap pelajar dan menjadikan mereka seperti anak sendiri.

Nabi ﷺ bersabda:

إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ مِثْلُ الْوَالِدِ لِوَلَدِهِ

"Sesungguhnya saya ini bagi kamu umpama seorang ayah bagi anaknya."[5]

Maksudnya di sini, berusaha menyelamatkan mereka dari api neraka akhirat. Ini lebih penting daripada usaha kedua ibu-bapa menyelamatkan anak-anaknya dari neraka dunia. Oleh yang demikian, hak seorang guru lebih besar daripada hak kedua ibu bapa. Ibu bapa menjadi sebab lahirnya anak tersebut ke dunia ini dan memperoleh kehidupan yang fana, tetapi guru menjadi sebab anak itu memperolehi kehidupan yang kekal abadi. Jika tidak kerana guru, sudah pasti apa yang diperoleh oleh anak daripada kedua ibu bapanya membawa kepada kebinasaan.

Guru adalah insan yang memberikan manfaat kepada kehidupan akhirat yang kekal abadi. Iaitu guru yang mengajar ilmu akhirat atau ilmu duniawi dengan tujuan akhirat dan bukannya dunia. Manakala mengajar dengan tujuan dunia, maka ia akan membawa kebinasaan kepada dirinya dan juga orang lain. Kami berlindung dengan Allah daripadanya!

2} Mengikut dan mencontohi Rasulullah ﷺ.

Maka dia tidak mengajar kerana menuntut upah, atau mengharapkan balasan, atau ucapan terima kasih daripada murid-muridnya. Sebaliknya dia menyampaikan ilmu demi kerana Allah dan mencari taqarrub kepadaNya.

Dia tidak melihat dirinya telah menanam budi kepada murid-murid itu, meskipun murid-murid itu harus mengingati budi baik gurunya itu kepadanya. Tetapi melihat bahawa kurniaan atau pemberian itu bagi mereka kerana mereka telah

---

[5] Dikeluarkan oleh Abu Daud (8), al Nasa'ie (40), Ibnu Majah (313) dan Ibnu Hibban daripada hadith Abu Hurairah.

menghadapkan hati mereka supaya dekat kepada Allah ﷻ dengan menanam ilmu di dalam hati-hati mereka.

3} Guru tidak meninggalkan menasihati murid walau sedikitpun.

Iaitu melarang murinya mempelajari suatu tingkatan ilmu sebelum layak menaiki tingkatan berikutnya. Atau pun menyibukkan diri dengan belajar ilmu yang tersembunyi sebelum selesai mempelajari ilmu yang terang.

Kemudian, menerangkan kepadanya bahawa tujuan menuntut ilmu sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah ﷻ. Bukan kerana keinginan menjadi pemimpin, bermegah-megah dan berlumba-lumba. Dan hendaklah guru itu menerangkan keburukan sifat-sifat itu sejelas yang mungkin.

4} Memberikan pengajaran melalui teknik penyampaian yang seni dan halus.

Iaitu, guru mencegah murid dari melakukan perangai yang buruk dengan mengucapkan kata-kata kiasan semampu yang mungkin dan bukan secara terus-terang. Dengan pendekatan kasih-sayang dan bukan secara sindiran atau cacian. Dengan menegur secara berterus-terang apatah lagi di khalayak ramai akan merobek rasa haibah murid terhadap guru. Berkemungkinan juga akan menyebabkan murid menjadi kurang ajar dan meneruskan perangai buruknya.

5} Seorang guru yang dipertanggungjawabkan dengan salah satu mata pelajaran tidak boleh memperlekehkan mata pelajaran yang lain di hadapan muridnya.

Seperti guru bahasa yang kebiasaannya memperlekehkan ilmu fiqh. Guru fiqh pula memperlekehkan ilmu hadith dan tafsir.

6} Guru harus menghadkan atau menyekat pengajaran suatu ilmu mengikut tahap pemahaman murid dan jangan disampaikan kepadanya ilmu yang belum sampai untuk difahami oleh akalnya. Berkemungkinan dia akan lari dan fikirannya menjadi celaru.

Perhatikanlah sabdaan Nabi ﷺ:

نَحْنُ مَعَاشِرَ الأَنْبِيَاءِ أُمِرْنَا أَنْ نُنْزِلَ النَّاسَ مَنَازِلَهُمْ وَنُكَلِّمَهُمْ عَلَى قَدْرِ عُقُولِهِمْ

"Kami para nabi diperintahkan meletakkan manusia sesuai dengan kedudukan mereka dan berbicara dengan mereka menurut tahap akal fikiran mereka."

Kembangkanlah kepada murid itu sesuatu pengetahuan yang mendalam apabila telah diketahui bahawa murid itu telah dapat memahaminya sendiri.

مَا أَحَدٌ يُحَدِّثُ قَوْمًا بِحَدِيثٍ لاَ تَبْلُغُهُ عُقُولُهُمْ إِلاَّ كَانَ فِتْنَةً عَلَى بَعْضِهِمْ

"Tidaklah seseorang itu berbicara kepada suatu golongan tentang persoalan yang tidak sampai pada tahap pemikiran mereka, melainkan ia akan menjadi fitnah kepada sebahagian mereka."

7} Kepada pelajar yang singkat pemahamannya seharusnya disampaikan kepadanya ilmu yang jelas dan sesuai dengannya.

Jangan disebut padanya bahawa di sebalik ilmu ini ada perinciannya lagi tetapi disembunyikannya. Ini akan mengurangkan minat murid tersebut kepada ilmu yang jelas dan meragukan hatinya.

8} Hendaklah guru itu beramal dengan ilmunya.

Maka jangan perkataannya mendustai perbuatannya kerana ilmu itu difahami dan dilihat dengan mata hati dan amal itu dilihat dengan mata kasar. Orang yang memiliki mata kasar itulah yang paling ramai.

Imam al Ghazali ﷺ juga menyebut di dalam Bidayah al Hidayah beberapa adab yang perlu diambil prihatin oleh setiap pengajar ilmu, antaranya ialah:

1. Ihtimal (banyak sabar menanggung kesusahan)

   Hendaklah sabar menerima dan menanggung sesuatu yang didatangkan oleh murid seperti pertanyaan, pekerjaan atau perbuatan yang menyusahkannya.

2. Lambat marah dan berlemah-lembut serta belas terhadap murid

3. Duduk dalam keadaan haibah dengan kelakuan yang tetap serta menundukkan kepala

4. Meninggalkan sifat takabbur terhadap seluruh hamba Allah kecuali terhadap orang yang zalim kerana menghalang kezaliman yang dilakukannya
5. Memilih sifat tawadhuk iaitu merendahkan diri di dalam perhimpunan orang ramai dan di hadapan orang ramai
6. Meninggalkan bergurau senda dan bermain-main di khalayak ramai
7. Mempunyai rasa kasih terhadap murid dan berlemah-lembut dengan perilaku dan perkataan mereka yang kurang pandai
8. Membimbing mereka yang bebal
9. Tidak memarahi mereka yang bodoh
10. Tidak malu daripada berkata: Aku tidak tahu (bagi masalah yang tidak diketahuinya)
11. Memberikan perhatian kepada murid yang bertanya dan cuba memahami soalannya dengan baik
12. Menerima hujjah atau dalil yang dihadapkan kepadanya
13. Tunduk dan kembali kepada kebenaran ketika tersalah
14. Melarang murid daripada mempelajari ilmu yang boleh memudharatkan
15. Melarang murid daripada mengqasadkan tuntutan ilmu kerana selain Allah
16. Melarang murid daripada menuntut ilmu fardhu kifayah sebelum selesai menuntut ilmu fardu ain.
17. Meneguhkan ketaqwaan diri sebelum menyuruh orang lain agar murid-muridnya dapat mencontohi amalannya dan mengambil manfaat daripada percakapannya.